

05 JUN 2000

Kelapa-Import

IMPORT KELAPA MUNGKIN DIKURANGKAN

TELUK INTAN, 5 Jun (Bernama) -- Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan mengurangkan import kelapa ekoran kejatuhan harganya di peringkat ladang pada masa ini, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian Datuk Abu Bakar Taib hari ini.

Beliau berkata perkara itu akan dikaji dengan mendalam kerana ia akan melibatkan harga kelapa di pasaran.

"Yang menjadi masalahnya ialah harga kelapa di pasaran masih mahal walaupun di ladang harganya telah turun," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Manik dan Labu Kubong di sini.

Pada masa ini rakyat Malaysia menggunakan kira-kira lima juta biji kelapa setiap hari dan kerajaan terpaksa mengimport sekitar 250 juta biji kelapa tahun lepas bagi mengatasi masalah kekurangan bahan itu yang telah menyebabkan harganya melambung hingga RM2 sebiji pada penghujung tahun 1998.

Abu Bakar berkata usahawan tempatan dan sektor swasta sepatutnya membantu kerajaan membina rangkaian pemasaran kelapa yang berkesan supaya harganya stabil di seluruh negara.

"Mereka patut tolong kita mengedarkan kelapa ke seluruh negara kerana masalah yang kita hadapi ini lebih kepada sistem pengedaran yang tidak cekap," katanya.

Mengenai cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mewujudkan insentif kepada pengusaha ladang yang memaksimumkan penggunaan tanah mereka, Abu Bakar berkata antara yang dipertimbangkan adalah penyediaan infrastruktur perladangan yang lengkap oleh kerajaan di kawasan pengusaha terbabit.

Beliau berkata kerajaan juga akan menyediakan zon-zon pertanian berteknologi tinggi untuk diusahakan oleh mereka yang berminat dan pendekatannya sedikit sebanyak akan meyerupai zon-zon perindustrian.

Katanya rancangan itu merupakan sebahagian program di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga antara 1998 dan 2010 dan melibatkan pelaburan berjumlah RM32 bilion, dengan sektor swasta dijangka menyumbang sebanyak RM21 bilion.

-- BERNAMA

HJ AKD